

(12 April 2022) Harian Metro, p.21



PENGHUNI Pangsapuri Sungai Baru menerima notis pengosongan kediaman dikeluarkan PTG pada 22 Mac lalu.

Kasihaniilah kami...

Penduduk Pangsapuri Sungai Baru terkejut arahan kosong rumah

Oleh Mohamad Ashyiq Haqimi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Kami sekeluarga berasa sebak dapat notis, tam-bahan pula pada bulan yang mulia ini. Kami tidak men-jangkakannya,” kata Has-him Mohd Salleh, 62.

Hashim ada antara peng-huni Pangsapuri Sungai Ba-ru di sini, yang menerima notis pengosongan kedia-mannya dikeluarkan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) yang dikeluarkan pada 22 Mac lalu.

Dia yang sudah menetap di Pangsapuri Sungai Baru itu hampir 30 tahun berkata, notis pengosongan (Borang K) memaklukkannya perlu mengosongkan rumah ter-babit serta-merta.

“Kami terkejut kerana per-lu mengosongkan rumah dengan segera tanpa mem-berikan tarikh sebenar un-tuk kami sekeluarga keluar dari rumah ini.

“Beri kami masa lebih un-tuk kami bersedia,” katanya.

Seorang lagi penghuni pangsapuri terabit, Rid-zuan Yusof, 47, berkata, notis pengosongan rumah ser-ta-merta itu sangat tidak pri-hatin kepada penduduk di sini.

“Kita baru masuk ke fasa peralihan ke endemik, di-tambah pula pada Ramadan dan sepatutnya pihak yang bertanggungjawab berbincang dengan semua pihak untuk melanjutkan lagi tempoh pengosongan rumah di sini”



Sepatutnya pihak yang bertanggungjawab berbincang dengan semua pihak untuk melanjutkan lagi tempoh pengosongan rumah di sini”

Ridzuan

cang dengan semua pihak untuk melanjutkan lagi tempoh pengosongan rumah di sini.

“Kasihani kami. Segelintir daripada kami masih berusa-ha mencari rumah lain untuk menetap, ditambah pula dengan Aidilfitri yang sudah dekat. Tolong fikir na-sib penduduk di sini,” ka-tanya yang tinggal di situ sejak kecil.

Penghuni lain berhadapan situasi yang sama, Sarina Ma-rion, 53, berkata, Pangsapuri Sungai Baru penuh dengan



Kami terkejut kerana perlu mengosongkan rumah segera tanpa memberikan tarikh sebenar untuk kami sekeluarga keluar dari rumah ini”

Hashim

nostalgia kepadanya.

“Kemeriahan pada Rama-dan dan Aidilfitri di sini terasa seperti tinggal di kampung halaman.

“Dulu masa pangsapuri ini penuh dengan penghuni, kami selalu bergotong-ro-yong, buat kenduri dan ma-cam-macam lagi apabila tiba Ramadan.

“Kami akan pasang pelita di hadapan rumah kami, membuat perhiasan seperti memasang lampu kelip-ke-lip, gantung ketupat bagi memeriahkan lagi rumah

kami.

“Pihak yang bertanggungjawab sepatutnya mengekalkan imej ‘Kampung Baru’ ini, satu-satunya kam-pung yang terletak di tengah bandar raya yang besar serta ditemani dengan pemanda-ngan KLCC,” katanya.

Pembangunan semula Kampung Sungai Baru membabitkan kawasan pen-duduk yang menetap di dua jenis rumah iaitu pangsa-puri terabit dan rumah di tanah persendirian.

Difahamkan, 70 peratus pemilik di kawasan terabit didakwa bersetuju dengan pembangunan semula ka-wasan itu dan menurunkan tandatangan.

Pada Ogos tahun lalu, se-gelintir penduduk yang be-lum menurunkan tandata-ngan menerima notis sia-satan di bawah Borang F, Akta Pengambilan Tanah 1960 yang diminta hadir se-cara giliran pada 23 hingga 26 Ogos untuk diambil ke-terangan penilaian oleh PTG.

Pada Julai tahun lalu, pen-duduk di Kampung Sungai Baru menerima surat Warta Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 yang memaksa mereka keluar dari tanah itu dengan pampasan.

Namun, difahamkan sege-lintir penduduk tidak ber-setuju dengan pampasan di-tawarkan iaitu RM240,000 hingga RM260,000 bagi unit flat dan kira-kira RM400 se-kaki persegi bagi kategori rumah teres.